



**KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA  
INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA  
SUKU TAHUN KEEMPAT 2023**

---

**Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 1.0 peratus  
pada Suku Tahun Keempat 2023**

**PUTRAJAYA, 7 Februari 2024** – Satu laporan **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN KEEMPAT 2023**, yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia telah diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini. IHPRP mencatatkan 115.5 mata pada suku tahun keempat 2023, peningkatan 1.0 peratus berbanding 1.4 peratus pada suku tahun ketiga 2023.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan dalam kenyataannya, “Kebanyakan subsektor merekodkan peningkatan harga pada suku tahun ini. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi meningkat sebanyak 5.5 peratus (ST3 2023: 0.8%) disumbangkan oleh peningkatan Aktiviti Perjudian & Pertaruhan (6.2%). Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman merekodkan kenaikan 3.4 peratus (ST3 2023: 4.6%) disebabkan oleh kenaikan dalam Aktiviti Perkhidmatan Minuman (4.0%) dan Restoran & Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (3.8%). Pada masa yang sama, subsektor lain yang mencatatkan kenaikan adalah Pendidikan (1.0%), Aktiviti Hartanah (0.6%), Kesihatan (0.3%) dan Profesional (0.2%). Namun begitu, indeks bagi Pengangkutan mencatatkan penurunan negatif 0.5 peratus disebabkan oleh Pengangkutan Udara Penumpang (-2.7%). Sebaliknya, indeks Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah.”

Beliau mengulas lanjut, “Perbandingan suku tahun ke suku tahun menunjukkan IHPRP meningkat perlahan 0.1 peratus berbanding 0.4 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Kenaikan ini disumbangkan oleh Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan

Makanan & Minuman (0.4%), Aktiviti Hartanah (0.3%) dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi (0.3%). Pada masa yang sama, kedua-dua subsektor Pendidikan dan Kesihatan juga merekodkan kenaikan 0.1 peratus. Sementara itu, indeks Profesional dan Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah. Namun begitu, indeks Pengangkutan mencatatkan penurunan perlahan negatif 0.1 peratus.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga merumuskan IHPRP meningkat 2.1 peratus pada 2023, adalah sama seperti tahun sebelum ini. Selain Maklumat & Komunikasi yang kekal tiada sebarang perubahan, subsektor lain mencatatkan peningkatan pada 2023. Peningkatan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman meningkat 5.6 peratus, Pengangkutan mencatatkan peningkatan 2.9 peratus dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi naik 2.3 peratus. Subsektor lain yang mencatatkan peningkatan adalah Pendidikan (1.0%), Profesional (0.4%), Kesihatan (0.3%) dan Aktiviti Hartanah (0.2%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA:<https://padu.spab.gov.my>.


**Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahun Keempat 2023**

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)			
	ST4 2022	ST3 2023	ST4 2023	ST4 2023/ ST3 2023	ST4 2023/ ST4 2022	2022	2023
<b>JUMLAH</b>	<b>114.3</b>	<b>115.4</b>	<b>115.5</b>	<b>0.1</b>	<b>1.0</b>	<b>2.1</b>	<b>2.1</b>
Pengangkutan	110.9	110.5	110.4	-0.1	-0.5	3.0	2.9
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	147.7	152.1	152.7	0.4	3.4	5.4	5.6
Maklumat & Komunikasi	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0	0.0	0.0
Aktiviti Hartanah	126.9	127.2	127.6	0.3	0.6	0.2	0.2
Profesional	104.3	104.5	104.5	0.0	0.2	0.4	0.4
Pendidikan	117.2	118.3	118.4	0.1	1.0	0.9	1.0
Kesihatan	107.6	107.8	107.9	0.1	0.3	0.3	0.3
Kesenian, Hiburan & Rekreasi	102.9	108.3	108.6	0.3	5.5	4.3	2.3

**Carta 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahunan ST1 2021 – ST4 2023**



**Carta 2: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Tahunan 2011-2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA  
7 FEBRUARI 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, MALAYSIA  
FOURTH QUARTER 2023**

***The Services Producer Price Index increased by 1.0 per cent  
in the Fourth Quarter of 2023***

**PUTRAJAYA, February 7<sup>th</sup>, 2024** – A report on the **SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), FOURTH QUARTER 2023**, which measures changes in producer prices for Malaysia's domestic services sector, was released today by the Department of Statistics Malaysia. The SPPI averaged 115.5 points in the fourth quarter of 2023, an increase of 1.0 per cent as compared to 1.4 per cent in the third quarter of 2023.

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained in the statement that, "Most subsectors recorded an increase this quarter. Arts, Entertainment & Recreation subsector rose by 5.5 per cent (Q3 2023: 0.8%) attributed to the increase in Gambling & Betting Activities (6.2%). Accommodation and Food & Beverage Service Activities went up by 3.4 per cent (Q3 2023: 4.6%) due to increases recorded by Beverage Service Activities (4.0%) and Restaurants & Mobile Food Service Activities (3.8%). In the meantime, the other subsectors that recorded marginal increases were Education (1.0%), Real Estate Activities (0.6%), Health (0.3%) and Professional (0.2%). However, the index of Transportation recorded a decline of negative 0.5 per cent particularly due to Passenger Air Transport (-2.7%). Meanwhile, the index of Information & Communication remained unchanged."

He further elaborated that, "On a quarter-on-quarter comparison showed that SPPI increased slightly by 0.1 per cent as compared to 0.4 per cent recorded in the previous quarter. The increase was contributed by Accommodation and Food & Beverage Service Activities (0.4%), Real Estate Activities (0.3%) and Arts, Entertainment & Recreation (0.3%). In the meantime, both Education and Health subsectors recorded an increase of 0.1 per cent. Meanwhile, the index of Professional and Information & Communication

*remained unchanged. Conversely, the index of Transportation recorded a slight decrease of negative 0.1 per cent.”*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also summarised that SPPI increased by 2.1 per cent in 2023, which was similar to the previous year. With the exception of Information & Communication which remained unchanged, all other subsectors recorded an increase in 2023. Accommodation and Food & Beverage Service Activities went up by 5.6 per cent, Transportation increased by 2.9 per cent and Arts, Entertainment & Recreation inclined by 2.3 per cent. Other subsectors that posted increases were Education (1.0%), Professional (0.4%), Health (0.3%) and Real Estate Activities (0.2%).*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.*


*The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:*

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721*
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.*


**Table 1: Services Producer Price Index, Fourth Quarter 2023**

Subsector	Index			Percentage Change (%)			
	Q4 2022	Q3 2023	Q4 2023	Q4 2023/ Q3 2023	Q4 2023/ Q4 2022	2022	2023
<b>TOTAL</b>	<b>114.3</b>	<b>115.4</b>	<b>115.5</b>	<b>0.1</b>	<b>1.0</b>	<b>2.1</b>	<b>2.1</b>
<b>Transportation</b>	110.9	110.5	110.4	-0.1	-0.5	3.0	2.9
<b>Accommodation and Food &amp; Beverage Service Activities</b>	147.7	152.1	152.7	0.4	3.4	5.4	5.6
<b>Information &amp; Communication</b>	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0	0.0	0.0
<b>Real Estate Activities</b>	126.9	127.2	127.6	0.3	0.6	0.2	0.2
<b>Professional</b>	104.3	104.5	104.5	0.0	0.2	0.4	0.4
<b>Education</b>	117.2	118.3	118.4	0.1	1.0	0.9	1.0
<b>Health</b>	107.6	107.8	107.9	0.1	0.3	0.3	0.3
<b>Arts, Entertainment &amp; Recreation</b>	102.9	108.3	108.6	0.3	5.5	4.3	2.3

**Chart 1: Quarterly Services Producer Price Index, Q1 2021 – Q4 2023**



**Chart 2: Annually Services Producer Price Index, 2021 – 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
7<sup>th</sup> FEBRUARY 2024**